

**INOVASI PEDAGOGI MENJANA  
KECEMERLANGAN PEMBELAJARAN**

# *Seminar Kebangsaan Inovasi Pedagogi*

Kertas 8

Tajuk :

**Kaedah Pedagogi Dalam Al Quran**

Pembentang:

Dr. Ariffin bin Mamat (UIAM)

**27 - 28 MAC 2006**

**Bukit Keluang Beach Resort  
Besut, Terengganu**



*Anjuran*  
**Maktab Perguruan Sultan Mizan**

*dengan kerjasama*  
**Bahagian Pendidikan Guru  
Kementerian Pelajaran Malaysia**

**Kertas Kerja**

## PENDEKATAN DAN KAEDAH PENDIDIKAN DI DALAM AL-QUR'AN

Oleh

**Dr Arifin Mamat**

**drarifinmamat@yahoo.co.uk**

**Institut Pendidikan**

**Universiti Islam Antarabangsa Malaysia**

### **Abstrak**

Al-Qur'an merupakan sumber teragung dan terpenting bagi umat Islam dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan. Kertas kerja ini membincangkan kandungan Al-Qur'an mengenai bidang pedagogi, secara khususnya beberapa aspek pendekatan dan kaedah pengajaran. Kajian ini mendapati bahawa Al-Qur'an menggunakan pelbagai pendekatan dan kaedah dalam mendidik manusia. Pendekatan dan kaedah yang digunakan seharusnya diketahui oleh pendidik dan wajar dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

---

Kertas kerja ini dibentangkan di Seminar Kebangsaan Inovasi Pedagogi 2006, pada 27 hingga 28 Mac 2006, anjuran Maktab Perguruan Sultan Mizan dan Kementerian Pelajaran Malaysia, di Bukit Keluang Beach Resort, Besut, Terengganu.

## 1.0 Pendahuluan

Orang-orang Islam percaya bahawa Al-Qur'an adalah merupakan sebuah kitab yang mengandungi firman-firman Allah. Ianya merupakan anugerah Allah yang unik dan besar nilainya kepada manusia. Firman Allah: "Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Al-Qur'an yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu, dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada dalam dada-dada kamu, dan juga menjadi petunjuk hidayah untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang-orang yang beriman".(Yunus: 57). Anugerah ini tidak akan memberi apa-apa manfaat jika sekiranya tidak difahami dan dihayati sepenuhnya oleh orang-orang Islam. Oleh itu Al-Qur'an sendiri berulang-ulang kali menegaskan kepada pembacanya agar ianya difahami dengan penuh teliti seterusnya mengambil iktibar setiap paparan yang terkandung di dalamnya. Antaranya firman Allah: "Al-Qur'an ini sebuah kitab yang Kami turunkan dia kepadamu, kitab yang banyak faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar." (Sad: 29).

Sejarah kecemerlangan generasi pertama umat Islam sudah cukup menjadi bukti peranan besar Al-Qur'an dalam merubah sikap serta membentuk dimensi baru dalam kehidupan mereka. Generasi tersebut bukan sahaja menerima setiap mesej daripada Allah, tetapi berusaha untuk mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian mereka (Sayyid Qutb, 1993). Al-Qur'an bukan sahaja menjadi sumber utama dalam ibadat harian, tetapi juga sumber penting dalam bidang pendidikan.

Kertas kerja ini akan mengupas pedagogi menurut al-Qur'an. Secara jelasnya perbincangan berkisar mengenai pendekatan umum dan juga beberapa kaedah pendidikan yang digunakan di dalam al-Qur'an. Perkataan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik sering digunakan dalam perbincangan yang berkaitan dengan pedagogi. Ini adalah kerana keempat- empat konsep tersebut sangat rapat hubungannya antara satu sama lain. Pendekatan yang ingin dibincangkan dalam kertas kerja ini menunjuk kepada cara-cara

atau langkah-langkah umum yang diambil oleh Al-Qur'an dalam pendidikan. Manakala kaedah pula merujuk kepada tindakan yang digunakan untuk mencapai sesuatu objektif.

## 2.0 Kepentingan Ilmu menurut Al-Qur'an

Usaha menuntut ilmu atau belajar merupakan asas pertama yang diberi penekanan oleh Al-Qur'an. Ini jelas berdasarkan ayat pertama yang diturunkan oleh Allah ialah anjuran supaya membaca atau belajar. Firman Allah: "Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan." (Al-Alaq: 1). Diantara matlamat utama penurunan Al-Qur'an ialah mengeluarkan manusia daripada gelap kejahilan kepada cahaya ilmu pengetahuan. Justeru, kata dasar *alima* yang bererti tahu, dan kata-kata terbitan daripadanya telah digunakan di dalam Al-Qur'an sekitar lapan ratus kali (Arifin Mamat, 2004). Ini merupakan bukti yang jelas penekanan Al-Qur'an terhadap kepentingan ilmu pengetahuan.

Wajar juga dinyatakan bahawa Al-Qur'an secara berterusan mengajak manusia supaya menggunakan daya intelek dan kebijaksanaan yang diberikan untuk meneroka pelbagai ilmu yang boleh memberi manfaat kepada manusia. Firman Allah: "Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pertukaran malam dan siang, dan kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia, demikian juga pada air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu ia hidupkan dengannya tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta ia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang, demikian juga pada peredaran angin dan awan yang tunduk kepada kuasa Allah terapung-apung di antara langit dengan bumi, sesungguhnya pada semua itu ada tanda-tanda bagi kaum yang menggunakan akal fikiran." (Al-Baqarah: 164).

Persepsi Al-Qur'an terhadap ilmu pengetahuan telah mendorong para sarjana Islam silam untuk meneroka pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Hasilnya sejumlah besar buku-buku telah dihasilkan atau diterjemahkan kedalam bahasa Arab terutamanya semasa pemerintahan Khalifah Al-Ma'mun dan Al-Mu'tasim (Surty: 2001). Oleh itu wajarlah

Al-Qur'an dianggap sebagai sumber asas Islam bukan sahaja dalam bidang metafizik dan agama tetapi juga terhad kepada bidang ilmu yang tertentu (Seyyed Hossein Nasr: 1985).

### 3.0 Pendekatan Al-Qur'an dalam Pendidikan

Al-Qur'an sebagai kitab terakhir yang diturunkan kepada manusia boleh dijadikan rujukan utama untuk mengesani pelbagai pendekatan yang boleh digunakan dalam bidang pendidikan. Kepelbagaiannya pendekatan yang digunakan oleh Al-Qur'an sebenarnya telah berjaya membentuk masyarakat Arab di zaman Rasulullah dan zaman keagungan Islam selepasnya. Ini adalah kerana ia mempunyai pedagogi tersendiri dalam mendidik jiwa-jiwa manusia. Didikannya Rasulullah mendapat kejayaan yang tiada tolok bandingnya dalam sejarah kemarinasian. Baginda berjaya menghubungkait masyarakat Islam ketika itu dengan realiti kehidupan mereka seterusnya mencapai kemuncak ketinggian. Kejayaan tersebut membuktikan bahawa pendidikan berasaskan pendekatan Al-Qur'an mampu mengubah jiwa serta mengangkat kehidupan manusia ke arah kegemilangan.

Diantara pendekatan utama yang digunakan oleh Al-Qur'an ialah:

#### i) Pendekatan Fitrah

Al-Qur'an menggunakan pendekatan ini dalam pendidikan dengan mengembalikan jiwa manusia kepada fitrah semulajadinya yang suci (Shadid, 1994). Asas fitrah semulajadi manusia ialah percaya kepada Tuhan. Manusia secara semulajadinya merasakan ia berhajat kepada kuasa tertentu. Keperluan ini jelas tatkala manusia berada dalam keadaan kesempitan sehingga tiada jalan keluar di depannya. Firman Allah: "Dan apabila kamu ditimpa bahaya di lautan nescaya hilanglah siapa yang kamu seru, kecuali Dia." (Al-Isra':67). Al-Qur'an menggunakan pelbagai hujjah untuk meyakinkan manusia hakikat kewujudan Allah. Hujjah-hujjah yang digunakan bertepatan dengan jiwa manusia dan mengajak mereka berfikir. Firman Allah: "Allah sekali-kali tidak mempunyai anak dan sekali-kali tidak ada Tuhan yang lain besertaNya. Kalau ada tuhan besertaNya tentulah masing-masing tuhan itu akan membawa makhluk yang diciptanya dan tentulah

sebahagian dari tuhan-tuhan itu akan mengalahkan sebahagian yang lain." (Al-Mu'minun: 91). Al-Qur'an juga selalu mengajak manusia memerhati serta menerungi segala kejadianNya di bumi dan di langit. Firman Allah: "Dan di bumi itu terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang yakin. Dan juga pada dirimu sendiri, maka apakah kamu tidak memerhatikan? (Al-Zariyat: 20-21).

Pendekatan fitrah ini boleh dilaksanakan oleh para guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ianya bertepatan dengan ilmu psikologi pendidikan yang menganjurkan para pendidik mengehalpasti tahap kematangan pelajar dan memilih kaedah bersesuaian dengan mereka.

#### ii- Pendekatan Ilmu

Al-Qur'an dengan jelas meletakkan ilmu dan orang-orang yang berilmu di kedudukan yang cukup tinggi. Firman Allah: 'Katakanlah adakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui. Sesungguhnya orang yang yang berakallah yang dapat menerima pengajaran. (Al-Zumar: 9).

Ilmu yang ditonjolkan oleh Al-Qur'an ialah dalam pengertiannya yang menyeluruh, bukan hanya terbatas kepada ilmu agama semata-mata bahkan merangkumi semua ilmu yang mengatur segala yang berkaitan dengan kehidupan manusia. Ajakan Al-Qur'an terhadap manusia agar beriman kepada Allah adalah berdasarkan ilmu pengetahuan. Bukan hanya sekadar taqlid ikutan semata-mata. Ini telah dijelaskan dalam keterangan terdahulu dimana Al-Qur'an menganjurkan agar manusia menjadikan alam ini sebagai sumber kajian. (Lihat Al-Baqarah: 164).

Pendekatan Al-Qur'an tidak bertujuan untuk menjelaskan ilmu secara terperinci. Ia hanya sekadar menunjuk jalan serta menyingkap fitrah manusia dengan membiarkan ruang untuk mengkaji dan berfikir secara terbuka sepanjang zaman (Shadid 1994). Dalam masa yang sama Allah dengan jelas mengancam orang-orang yang menyembunyikan ilmu. Firman Allah: Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa-apa keterangan

kitab suci yang telah diturunkan oleh Allah, dan membeli dengan keuntungan dunia yang faedahnya sedikit, mereka itu tidak mengisi ke dalam perut mereka selain dari api neraka. (Al-Baqarah: 174).

Oleh itu pendidikan yang berasaskan pendekatan ilmu wajar digerakkan di kalangan para pendidik. Usaha memastikan profesionalisme perguruan menuntut para pendidik memiliki ilmu yang pelbagai. Budaya ilmu seharusnya menjadi pemangkin kearah melahirkan pelajar yang berketrampilan.

### iii- Pendekatan Pemikiran

Al-Qur'an telah membuka lembaran baru dalam sejarah pemikiran manusia iaitu suatu pengiktirafan terhadap peranan aqal dan daya pemikiran. Al-Qur'an menggesa Rasulullah supaya menyeru mereka berfikir kerana itulah cara untuk menyampaikan kepada kebenaran serta iman (Lihat Surah Saba': 46). Baginda sendiri digambarkan sebagai manusia biasa. Firman Allah: "Katakanlah, 'Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan yang satu.'" (Al-Kahf: 110). Kepentingan berfikir digambarkan oleh Al-Qur'an mengenai penyesalan golongan yang tidak beriman seperti firmanNya: Dan mereka berkata, 'Kalaualah kami dahulu mendengar dan memahami tentulah kami tidak termasuk dalam kalangan ahli neraka.' (Al-Mulk: 10).

Integrasi antara pemikiran dengan pancaindera dan pengamatan merupakan cara yang berkesan untuk memahami rahsia alam seterusnya mengiktiraf kewujudan Yang Maha Berkuasa (Shadid, 1994). Firman Allah: "Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi dan pertukaran malam dan siang ada tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal. (Ali Imran: 190).

Seterusnya Al-Qur'an mengcam hebat manusia yang mengabaikan fikiran serta mengelakkan diri dari sinar ilmu pengetahuan. Kedudukan mereka digambarkan lebih rendah daripada binatang. Firman Allah: "Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahannam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati yang tidak mau

memahami dengannya dan mempunyai mata yang tidak mahu melihat dengannya dan mempunyai telinga yang tidak mahu mendengar dengannya, mereka itu seperti binatang ternakan, bahkan mereka lebih sesat lagi, mereka itulah orang-orang yang lalai. (Al-A'raf: 179).

Pendekatan ini amat bertepatan sekali dalam usaha melahirkan pelajar yang mampu berfikir secara kritis dan kreatif. Pendidikan yang berkesan seharusnya memberi peluang kepada pelajar untuk menyatakan pandangan mereka. Pelajar juga harus didedahkan dengan kaedah penyelesaian masalah dan penemuan.

#### iv- Pendekatan Ibadah

Ibadah menurut Al-Qur'an adalah meluas tidak sekadar terbatas kepada perkara-perkara yang melibatkan Ibadah khusus semata-semata. Islam mengajar manusia bahawa kehidupan ini adalah satu kesatuan dimana setiap yang ada di dalamnya adalah berpaksikan kepada Allah. Tidak ada pemisahan antara jalan dunia dan jalan akhirat (Shadid, 1994). Ianya harus bergerak seiring menuju kearah paksi yang sama. Finman Allah: "Katakanlah, sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam."(Al-An'am: 162).

Pendekatan ibadah ini merupakan didikan kepada jiwa manusia dan membangunkan perasaan bertanggungjawab terhadap yang Maha Pencipta. Ianya berasaskan idea Al-Qur'an tentang kedudukan dan peranan manusia di dalam alam ini. Seterus dapat mengelak manusia daripada penyelewengan yang akan membawa mereka kepada kesesatan.

Justeru ibadah di dalam Islam adalah merupakan satu kaedah dalam mendidik manusia yang bennatiranat kepada pembentukan personaliti, tingkah laku moral yang bersih serta membangun satu masyarakat yang memahami tanggungjawab dan matlamat hidup.

#### 4.0 Kaedah Pendidikan di dalam Al-Qur'an

Selain daripada pendekatan yang dinyatakan diatas, kajian terhadap kandungan Al-Qur'an mendapati bahawa kitab yang diwahyukan oleh Allah ini menggunakan pelbagai kaedah dalam menyampaikan mesej kepada manusia (Arifin Mamat, 2004). Didalamnya terdapat cara-cara penyampaian yang sesuai digunakan di dalam pendidikan. Kepelbagaiannya kaedah ini adalah bertepatan dengan pelbagai ilmu yang ingin disampaikan, juga pelbagai ragam manusia yang mempunyai citarasa dan minat yang berbeza.

Sesuatu pengajaran dianggap berkesan apabila objektif pengajaran yang ingin dicapai berjaya direalisasikan atau apabila pembelajaran berlaku dan hasilnya dapat dilihat samada dalam jangka pendek atau jangka panjang. Oleh itu pemilihan strategi dan kaedah pengajaran yang sesuai amat diperlukan untuk menjamin keberkesanannya proses pengajaran dan pembelajaran. Ini adalah kerana isi pelajaran dalam mana-mana kurikulum tidak akan dapat diterjemahkan ke dalam realiti jika sekiranya kaedah pengajaran yang digunakan tidak tepat. Kaedah pengajaran yang tidak sesuai boleh membantu proses pengajaran dan pembelajaran juga merugikan masa dan tenaga (Abdullah, 1982).

Berikut dinyatakan secara ringkas beberapa kaedah pengajaran yang dapat dikesan secara jelas di dalam Al-Qur'an.

##### i- Kaedah Bercerita

Bercerita merupakan kaedah mengajar yang membolehkan guru menyampaikan isi pelajaran atau sesuatu mesej melalui penggunaan cerita. Penggunaan kaedah ini dengan mengambilkira kemahiran tertentu dapat membantu guru menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran secara berkesan (Shahabuddin Hashim, et al, 2005). Ini adalah kerana bercerita merupakan suatu kaedah pengajaran yang sesuai dengan sifat semulajadi manusia yang mudah tertarik untuk mendengar cerita dan kisah-kisah hero yang tertentu (Abdul Aziz&Abdul Majid, 1983).

Kaedah ini kerap kali digunakan di dalam Al-Qur'an yang antara lainnya bertujuan sebagai tauladan dan pengajaran kepada manusia. Firman Allah: "Kami ceritakan kepada kamu seindah-indah cerita dengan jalan Kami wahyukan kepada kamu Al-Qur'an ini, pada hal sebenarnya engkau sebelum datang wahyu itu, adalah dari orang-orang yang tidak pernah menyelerai akan halnya."(Yusuf: 3). Oleh itu banyak surah di dalam Al-Qur'an dinamakan bersempena dengan kisah yang terkandung di dalamnya seperti surah Ali 'Imran, Yusuf, Yunus, Maryam, Luqman, Al-Kahf, Al-Naml dan lain-lain.

Cerita-cerita yang dibawa oleh Al-Qur'an adakalanya berkisar mengenai seorang watak seperti kisah Luqma'n, atau sekumpulan kecil manusia seperti kisah Ashabul Kahfi, dan juga melibatkan satu bangsa seperti kisah Bani Israil.

Cerita-cerita di dalam Al-Qur'an juga bukan sahaja terbatas kepada watak manusia, tetapi juga haiwan seperti kisah semut tatkala Allah menggambarkan tentera nabi Sulaiman. Firman Allah: "(Maka)lah angkatan itu) hingga apabila mereka sampai ke Wadi A-Naml, berkatalah seekor semut: " Wahai sekalian semut! Masuklah ke sarang kamu masing-masing, jangan Sulaiman dan tenteranya memijak serta membinasakan kamu, sedang mereka tidak menyelerai."(Al-Naml: 18). Surah ini dikenali dengan Al-Naml atau semut. Kisah ini disebutkan sebagai contoh bagi manusia supaya mereka mamahami keadaan makhluk, dan bagaimana semut itu bersatu padu untuk menyelamatkan diri dari kebinasaan dan bersatu padu untuk mencari kebaikan bersama( Tafsir Pimpinan Al-Rahman, 2000).

## ii- Soal-jawab/Dialog

Soal Jawab dianggap aktiviti popular yang selalu dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Ferrot, 1983). Ianya boleh dikira sebagai teras yang boleh membantu pendidik mengembang kemampuan pemikiran kritis dikalangan para pelajar (Kissock dan Iyortsuun, 1982).

Dalam Al-Qur'an terdapat banyak ayat-ayat yang menggunakan kaedah pertanyaan sebelum menjelaskan sesuatu perkara. Diantaranya dialog antara Allah dan Malaikat mengenai dengan matlamat penciptaan Adam. Firman Allah: Dan ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat: "Sesungguhnya aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". Mereka bertanya: "Adakah engkau (Wahai Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang membuat bencana dan menumpahkan darah, padahal kami sentiasa bertambah dengan memujimu dan mensucikanmu?" Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya". Begitu juga dialog antara Allah dengan Iblis mengenai keingkarannya untuk sujud kepada Adam. Firman Allah: "Apakah yang menghalangmu daripada sujud ketika Aku perintahmu?" Iblis menjawab: "Aku lebih baik daripada Adam, Engkau jadikan aku dari api, sedang dia Engkau jadikan dari tanah". Ayat ini dengan jelas menunjukkan bahawa Allah telah memberi peluang kepada Iblis untuk menyatakan pandangannya.

Dialog antara Nabi Ibrahim dengan kaumnya juga boleh dijadikan contoh terbaik keberkesanan soal jawab dalam pendidikan. Ianya berbentuk logik dan secara tersusun sehingga fakta yang dikemukakan tidak dapat dipertikaikan atau dibantah kesahihannya (Sila rujuk Surah Al-Anbiyya' ayat 52-69).

### iii- Demonstrasi

Kaedah ini melibatkan kemahiran guru melakukan tunjuk cara atau langkah melakukan sesuatu aktiviti dihadapan murid. Ianya digunakan secara meluas dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk hampir semua mata pelajaran di sekolah (Mok Soon Sang, 2002).

Contoh terbaik penggunaan kaedah ini di dalam Al-Qur'an ialah berkaitan dengan kisah dua orang anak Adam yang berselisih faham mengenai penerimaan korban mereka sehingga berlaku pertumpahan darah. Firman Allah: "Kemudian Allah menghantarkan burung gagak mengorek-gorek di bumi supaya diperlihatkan kepadanya bagaimana menimbus mayat saudaranya. Dia berkata: "Wahai celakanya aku! Alangkah lemah serta

bodohnya aku, aku tidak tahu berbuat seperti burung gagak ini, supaya aku dapat menimbulkan mayat saudaraku”, kerana itu menjadilah dia dari golongan orang-orang yang menyesal.” (Al-Maidah: 31).

Salah seorang daripada anak Adam dapat mempelajari cara mengebumikan mayat saudaranya adalah hasil daripada pemerhatiannya terhadap tunjuk cara yang telah dilakukan oleh burung gagak. Ayat ini secara jelas menunjukkan kepentingan kaedah demonstrasi dalam menyampaikan maklumat dan tunjuk ajar kepada pelajar dan merupakan asas perintulaan kepada perkembangan kaedah audio-visual dalam pengajaran dan pembelajaran.

#### iv- Lawatan

Kaedah ini biasanya dilaksanakan dengan cara melakukan kunjungan atau lawaatin sambil belajar di luar kelas biasa. Melalui pelaksanaan kaedah ini guru secara langsung dapat memberi gambaran yang jelas tentang apa yang dilihat dan dialami sendiri oleh pelajar pada waktu itu, disamping perkara-perkara yang dilihat sepanjang perjalanan ketika melakukan lawatan (Ghazali Darusalam, 2004). Pelajar berpeluang memerhati sendiri bagaimana sesuatu itu berlaku atau dilakukan. Pengalaman sebenar ini boleh membantu pelajar memahami dengan lebih jelas mengenai sesuatu topik yang dianggap sukar.

Di dalam Al-Qur'an terdapat banyak ayat-ayat yang menggalakkan manusia supaya melakukan lawatan dengan tujuan untuk belajar (Fazlur Rahman, 1980). Diantara objektif lawatan ialah untuk mengenal pasti serta refleksi terhadap kekuasaan Allah melalui ciptaanNya yang hebat. Firman Allah: “Katakanlah: Mengembaralah kamu di muka bumi, serta lihatlah bagaimana Allah telah memulakan ciptaan makhluk dari asal jadinya, kemudian Allah akan memulakan ciptaan itu semula dalam bentuk kejadian yang baru, sesungguhnya Allah Armat Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu.”(Al-'Ankabut: 20). Al-Qur'an juga mengajak manusia mengambil ictibar terhadap apa yang telah berlaku di masa silam. Firman Allah: “Katakanlah: Mengembaralah kamu di muka bumi kemudian

lihatlah bagaimana kesudahan orang-orang yang telah lalu, kebanyakan mereka adalah orang-orang mustik.” (Al-Rum: 42).

Kaedah ini dinyatakan secara detail didalam Surah Al-Kahfi, dimana Nabi Musa telah digambarkan melakukan pengembalaan yang panjang untuk mendapatkan ilmu daripada seorang alim. (Lihat Surah Al-Kahfi: 60-82).

#### v. Perbandingan

Al-Qur'an menggunakan kaedah perbandingan dengan menibawa contoh-contoh untuk memudahkan manusia memahami mesej yang ingin disampaikan. Firman Allah: Dan demi sesungguhnya Kami telah mengemukakan kepada umat manusia berbagai-bagai misal perbandingan dalam Al-Qur'an ini, supaya mereka mengambil peringatan dan pengajaran.” (Al-Zumar: 27). Perbandingan yang dibawa oleh Al-Qur'an biasanya mudah, dapat dilihat dan biasa berlaku dalam kehidupan mereka. (Mikanisi, 2001).

Dalam menjelaskan konsep ketuhanan dan kekuasaan Allah, Al-Qur'an menggunakan perbandingan dan contoh yang cukup jelas. Firman Allah: “Misal bandingan orang-orang yang menjadikan benda-benda yang lain dari Allah sebagai pelindung adalah seperti labah-labah yang membuat sarang, padahal sesungguhnya sarang-sarang yang sehabis-habis rapuh ialah sarang labah-labah, kalauolah mereka orang-orang yang berpengetahuan.” (Al-'Ankabut:41).

#### vi. Pengulangan

Kaedah ini banyak digunakan di dalam Al-Qur'an. Pengulangan berlaku samada dalam bentuk perkataan, ayat, isu atau peristiwa tertentu. Didapati banyak ulangan peristiwa atau cerita untuk memberi penekanan terhadap sesuatu fakta atau hukum.

Asal-usul kejadian manusia sebagai contoh diulang berkali-kali di dalam Al-Qur'an untuk mengajak manusia berfikir tentang kekuasaan Allah dan mengiktiraf kelemahan

mereka. (Contohnya dalam Surah Al-Tariq, Al-Mu'minun dan Al-Qiyamah). Cerita-cerita mengenai para nabi dan kaum-kaum terdahulu juga diulang oleh Al-Qur'an sebagai pengajaran kepada seluruh manusia. (Abdullah, 1982).

## 5.0 Kesimpulan

Secara keseluruhan dapat dinyatakan bahawa bertepatan dengan peranannya sebagai kitab terakhir yang diturunkan, Al-Qur'an amat menitikberatkan kepada persoalan pendidikan. Ianya dapat dibuktikan melalui galakan Al-Qur'an secara berterusan supaya manusia berusaha menuntut ilmu. Pelbagai pendekatan dan kaedah telah digunakan oleh Al-Qur'an untuk mendidik manusia dan menunjukkan mereka ke jalan yang benar. Pendekatan dan kaedah yang terdapat di dalamnya wajar diambil perhatian oleh pendidik dan berusaha untuk dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran.

## Rujukan

- Abd Al-Aziz, Salih dan Abd Al-Majid, Abd Al-Aziz (1983). *Al-Tarbiyyah wa Turuq al-Tadris*. Cairo: Dar al-Maarif.
- Abdel Haleem, Muhammad (1999). *Understanding the Qur'an, Themes and Style*. London: I.B. Tauris Publishers.
- Abd Al-Baqi, Muhammad Fuad (1988). *Al-Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Qur'an al-Karim*. Cairo: Dar al-Hadith.
- Abdullah, Abdul-Rahman Salih (1982). *Educational Theory, A Qur'anic Outlook*. Makkah: Umm al-Qura University.
- Abdullah Muhammed Basmeh (2000). *Tafsir Pimpinan Rahman kepada Pengertian Al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Al-Ghazali, Muhammad (1998). *Journey Through the Qur'an, the Content and Context of the Suras*. Translated by Aisha Bewley. London: Dar al-Taqwa Ltd.
- Al-Mubarakpuri, Shaykh Safiur-Rahman (2000). *Al-Misbah al-Munir fi Tahdhib Tafsir Ibn Kathir, Tafsir Ibn Kathir (Abridged)*. Riyadh: Darussalam.
- Arifin Mamat (2004). *Qur'anic Pedagogy and its Practices in the Teaching of Arabic Language*. Unpublished Ph.D. Thesis. The University of Birmingham.
- Arifin Mamat (2005). *Kandungan Pendidikan Nilai-Nilai Murni Berdasarkan Aplikasi Luqman Al-Hakim*. Kertas kerja di 'Asia Pacific Moral, Civic and Citizenship Education Conference'. 21-22 September 2005. Universiti Malaya.
- Bennabi, Malik (1983). *The Qur'anic Phenomenon*. Translated by Kirkary, Abu Bilal. Indianapolis: American Trust Publication.
- Kissock, Craig and Iyortsuun, Peter (1982). *A Guide to Questioning, Classroom Procedures for Teachers*. London: The Macmillan Press Ltd.
- Marland, Michael (1975). *The Craft of the Classroom*. London: Heinemann Educational Books Ltd.
- Mikanisi, Othman Qadri (2001). *Min Asalib al-Tarbiyyah fi al-Qur'an al-Karim*.

- Beirut: Dar Ibn Hazin.
- Mok Soon Sarg (2002). *Pedagogi untuk Kursus Diploma Perguruan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Nasr, Seyyed Hossein (1985). *Ideals and Realities of Islam*. London: Goerge Allen and Unwin.
- Perrot, Elizabeth (1983). *EffectiveTeaching; A Practice Guide to Improving Your Teaching*. Essex: Longman Group Limited
- Qutb, Sayyid (1993). *Milestone*. Indianapolis: American Trust Publications
- Rahman, Fazlur (1980). *Major Themes of the Qur'an*. Minneapolis: Bibliotheca Islamica, Inc.
- Shadid, Muhammad (1994). *Metodologi Al-Qur'an dalam Pendidikan*. Terjemahan oleh Osman Khalid. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Shahabuddin Hashim, et al (2003). *Pedagogi: Strategi dan Teknik Mengajar Berkesan*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Surty, Muhamad Ibrahim H.I. (2001). *Towards Understanding Qur'anic Arabic*. Birmingham: Qur'anic Arabic Foundation.